

19/03/1997

Generasi mahir teraju Wawasan

Salbiah Ani

CABARAN penting yang dihadapi Malaysia, bagi merealisasikan Wawasan 2020 adalah kemampuannya untuk melatih generasi akan datang, yang menjadi tunggak tercapainya hasrat sebuah negara maju.

Profesor Hal Ehwah Antarabangsa dan Agama, Georgetown University, John L Esposito, berkata sekadar mempunyai visi bagi memastikan sebuah negara itu berjaya pada masa depan tidak mencukupi.

"Ia perlu disusuli dengan kesungguhan melahirkan generasi akan datang dengan kemahiran yang diperlukan dan generasi yang dilatih pula menghargai kemahiran serta bersedia membantu merealisasikan Wawasan 2020," katanya dalam satu pertemuan selepas wacana Pemikiran Semasa Islam Mengenai Peradaban yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, baru-baru ini.

Esposito berkata, seandainya Malaysia berupaya melahirkan generasi berkemahiran, tetapi tidak bersedia untuk berkecimpung dalam profesion yang dipelajari, keadaan itu tidak membantu merealisasikan Wawasan 2020.

"Realiti hari ini menunjukkan Malaysia bersungguh-sungguh merealisasikan impiannya, sehingga berjaya menjadi contoh negara Islam yang mencatat pertumbuhan ekonomi paling menggalakkan," katanya.

Ketika diminta mengulas kemungkinan Malaysia berjaya merealisasikan hasratnya, katanya, adalah terlalu awal untuk membuat ramalan seumpamanya.

"Bagaimanapun, perubahan yang berlaku di Malaysia sememang mengagumkan. Saya akui sudah berlaku perubahan dalam sistem pendidikan di peringkat sekolah dan universiti. Begitu juga tindak balas kerajaan terhadap isu sosial," jelasnya.

Banyak negara Muslim dan Barat, katanya, kini nampak perubahan dan pengalaman yang dilalui oleh Malaysia kerana ketrampilan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Esposito berkata, kini banyak rencana yang ditulis media Barat, bukan saja mengenai Malaysia tetapi juga sikap dan kepemimpinan kedua-dua pemimpin negara ini.

"Perkara sedemikian belum pernah berlaku. Malah, kami di Universiti Georgetown sebelum ini juga tidak memberi perhatian kepada Asia Tenggara, dan jika merujuk Islam dan negara Islam, Asia Barat sering menjadi pilihan," katanya.

Bagaimanapun, fenomena itu kini sudah berubah dan Kerusi Malaysia bagi Kajian Islam di Malaysia, sudah dibentuk di Pusat Kefahaman Muslim-Kristian: Sejarah dan Hal Ehwah Antarabangsa, Universiti Georgetown.

Menurutnya, negara seperti Amerika Syarikat hanya nampak Malaysia dan negara Asia Tenggara lainnya, serta `mengiktiraf' kehadirannya pada masa ini kerana pembangunan ekonomi dan kepemimpinan Malaysia dalam dunia antarabangsa.

"Negara yang dilihat sebagai kuasa ekonomi akan mendapat perhatian antarabangsa. Jika sebuah negara itu miskin dan memerlukan bantuan ia juga tidak dipedulikan. Lihat saja bagaimana perhatian yang diberikan kepada Jepun, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah (EU)," tegasnya.

Esposito berkata, kepemimpinan sesebuah negara juga menjadi perhatian dan Malaysia kebetulan mempunyai dua pemimpin yang berketerampilan dengan pemikiran jelas hingga menarik perhatian dari media antarabangsa.

"Kedua-dua pemimpin, Mahathir dan Anwar, adalah komunikator yang cekap dengan stail yang berbeza. Mereka sangat berkesan dalam mewakili negara

dan visi negara. Ciri itu membezakan kedua-dua tokoh berkenaan daripada pemimpin negara lain di rantau sebelah sini," katanya.

Menurutnya, jika ada negara yang mencatat pertumbuhan ekonomi cemerlang tetapi pemimpinnya tidak dapat berkomunikasi dengan baik di khalayak antarabangsa, mereka tidak akan mendapat perhatian.

"Mahathir dan Anwar berjaya dalam perkara ini. Mereka tidak bertindihan sebaliknya saling lengkap melengkapi. Kedua-duanya mempamerkan keperibadian yang berbeza tetapi mempunyai beberapa persamaan. Masing-masing berpelajaran tinggi, berfikir cepat dan berucap dengan berkesan.

"Ciri yang ada kepada kedua-dua pemimpin ini penting. Meskipun ada pemimpin negara lain yang berpelajaran tinggi dan berfikir cepat tetapi sebaik saja `membuka mulut' membawa imej buruk kepada negaranya," katanya.

Amerika Syarikat, katanya, sudah melihat pemimpin negara Islam lain sehingga `mempengaruhi' pemikiran mereka tetapi kini ia sudah berubah berikutan peranan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Pendidikan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco).

Mengenai kemungkinan Mahathir dan Anwar terlalu berani meluahkan pandangan dalam perhimpunan antarabangsa, katanya, keberanian mereka yang menyebabkan kedua-dua pemimpin itu mendapat perhatian dan dihormati.

"Untuk mendapat perhatian dan dihormati, kita tidak perlu suka apa yang seseorang itu kata, tetapi apa yang dikatakan dan kebenaran kata-katanya itu lebih penting," jelasnya.

Esposito berkata, kata-kata kedua-dua pemimpin itu yang nyata mewakili Malaysia, Asia Tenggara dan Dunia Muslim, meskipun terlalu `lantang' bagi sesetengah pihak, tetapi ia membawa `mesej' dan hasilnya ialah penghormatan.

"Untuk menjadi pemimpin dunia yang `disegani' tidak semestinya seseorang itu sentiasa sependapat dengan pemimpin lain.

"Apabila Mahathir dan Anwar mengatakan mereka tidak memerlukan `Barat yang angkuh' menunjukkan apa yang perlu dilakukan dalam memperjuangkan hak asasi manusia ia adalah satu mesej," tambah beliau.

(END)